

**UCAPAN PEMBENTANGAN RANG BELANJAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
TAHUN KEWANGAN 2024/2025**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السلام عليكم ورحمة الله و بركاته

1. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada hari ini dan juga kaola ingin memberi salam kepada rakan-rakan sejawatan dan juga sahabat-sahabat sepermesyuaratan. Kaola bersyukur kepada Allah SWA kerana sempat bersama-sama di sini untuk tugas membentangkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025.
  
2. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diamanahkan untuk memberikan perkhidmatan ugama, melaksanakan tanggungjawab dan menjalankan peranannya dengan visi "Bersama Ke Arah Kehidupan Cemerlang Duniawi dan Ukhrawi" dan misi "Memperkasa Penghayatan Beragama dan Memantapkan Kerasmiannya, Berdasarkan Hukum Syara', Perkembangan Undang-Undang dan Falsafah Melayu Islam Beraja" tanpa menjejaskan 3 Fokus Strategik Utama yang mendukung Wawasan 2035 iaitu:
  - 2.1 Pendidikan Ugama Berkesan (Peneraju Bersama Pendidikan);
  - 2.2 Da'wah Mantap Berkesan (Peneraju Keugamaan);
  - 2.3 Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial (Peneraju Bersama Jaminan Sosial).

3. 3 Fokus Strategik Utama di atas adalah sejajar dengan tema serta fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu **Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur** (*Building A Prosperous Future Together*) dengan tiga fokus utama :
  - 3.1 Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam;
  - 3.2 Memupuk Kepelbagaian Ekonomi Yang Mampan;
  - 3.3 Pembangunan Modal Insan Yang Dinamik dan Berwawasan.
  
4. Mengambil kira Tema dan Fokus Belanjawan dikekalkan untuk kesinambungan, dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan, serta mendukung keutamaan-keutamaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, strategi belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah memberi penekanan dan keutamaan seperti berikut:
  - 4.1 **Pendidikan** : Menumpukan peruntukan perbelanjaan kepada pendidikan ugama bagi kesemua penduduk Brunei Darussalam mengambil kira ianya adalah tugas utama Kementerian Hal Ehwal Ugama;
  - 4.2 **Da'wah** : Meningkatkan penyampaian da'wah mantap dengan lebih efektif dan berkesan secara berterusan, menggunakan teknologi serta media sosial untuk menembusi lapisan masyarakat yang hanya berinteraksi dengan platform tersebut. Meningkatkan lagi jalinan kerja sama dengan *strategic partner* da'wah untuk mengembangluas lagi kerja-kerja da'wah.

- 4.3 **Zakat** : Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, kutipan dan agihan zakat harta dan zakat fitrah akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan tepat pada masanya (*timely collection and distribution of zakat*), mengurangkan beban kepada golongan yang memerlukan dan secara langsung akan sedikit sebanyak merangsang ekonomi dalam negara;
- 4.4 **Pemeliharaan Prasarana** : Meneruskan kerja-kerja pemeliharaan prasarana Kementerian Hal Ehwal Ugama secara *term-contract* yang menghala kepada kaedah *Facility Management* dimasa terdekat supaya prasarana-prasarana adalah senantiasa dalam keadaan yang terpelihara dan seterusnya menghindari daripada kerosakan yang lebih besar dan seterusnya memakan perbelanjaan yang lebih tinggi;
- 4.5 **Penambahbaikan Penstrukturan** : Penambahbaikan penstrukturan secara holistik dengan memastikan fungsi utama adalah relevan untuk memberikan perkhidmatan ugama kepada penduduk Negara Brunei Darussalam tercapai seperti yang dihasratkan selaras dengan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- 4.6 **Pelaksanaan Undang-undang Syariah** : Menggiatkan lagi usaha Pelaksanaan Undang-undang Syariah dengan menitikberatkan kepada pengimplementasi yang lebih realistik;
- 4.7 **Peningkatan Aktiviti Persijilan Halal** : Merealisasikan potensi 'Halal Brunei' dengan bantuan *strategic partner*

mengambil kira potensinya untuk diiktiraf dan diakreditasi oleh negara-negara lain;

5. Berpandukan kepada strategi perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 seperti di atas, Kementerian Hal Ehwal Ugama sejak Tahun Kewangan 2020/2021 telah menyelaraskan Program Perbelanjaan berdasarkan Daruriyyat (*Necessities*), Hajiyyat (*Needs*) dan Tahsiniyyat (*Wants*) adalah lebih efektif.
6. Oleh yang demikian, bagi Tahun Kewangan 2024/2025, sejumlah **\$234.9 juta** telah diperuntukkan bagi **Emolumen** (sebelumnya gelarannya adalah Gaji Kakitangan) melebihi \$1.9 juta dari had yang ditetapkan dan **\$34.1 juta** diperuntukkan bagi **Perbelanjaan Berulang-ulang** (sebelumnya gelarannya adalah Lain-Lain Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang) dimana pecahan peruntukan berdasarkan Program Perbelanjaan yang telah diselaraskan dengan Maqasid Syariah adalah seperti berikut:
  - 6.1 **Pemeliharaan (Promosi) Harta, 9.5%** (\$25.5 juta) dari peruntukan keseluruhan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dimana ianya adalah bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Urusan Haji, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan Majlis Ugama Islam Brunei;
  - 6.2 **Pemeliharaan (Promosi) Ugama, 11.0%** (\$29.4 juta) dari peruntukan keseluruhan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dimana ianya adalah bagi Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bahagian Syi'ar Islam);

- 6.3 **Pemeliharaan (Promosi) Nyawa & Keturunan, 4.1%** (\$11.0 juta) dari peruntukan keseluruhan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dimana ianya adalah bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bahagian Pendakwaan), Jabatan Hal Ehwal Syariah (Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Permakanan dan Barang Halal), Jabatan Perundangan Islam;
- 6.4 **Pemeliharaan (Promosi) Aqal, 75.4%** (\$202.9 juta) dari peruntukan keseluruhan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dimana ianya adalah bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah;
7. Manakala bagi Perbelanjaan Kemajuan, sejumlah **\$16.8 juta** diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dengan **Harga Rancangan \$191.3 juta** bagi beberapa projek utama **Mengukuhkan Kemudahan Akses Pendidikan** seperti penambahan blok di beberapa buah sekolah ugama di seluruh negara, menaik taraf fasiliti Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah Pusat Tingkatan 6 dan pembangunan 2 sekolah baru bagi Kampong Kiulap dan Kampong Bolkiah. Selain itu, peruntukan telah disediakan sejumlah **\$2.3 juta (Harga Rancangan RKN 12 \$23.9 juta)** untuk membina kampus baru Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan manakala sejumlah **\$200 ribu (Harga Rancangan RKN 12 \$20.0 juta)** juga disediakan untuk pembinaan Kampus Kekal Perempuan Institut

Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Manakala dibawah **Mengukuhkan Perkembangan Syiar Islam**, Pembinaan Bangunan Baru Bagi Pusat Kegiatan Ugama Islam / Sekolah Ugama Kampong Senukoh disediakan sejumlah **\$295 ribu (Harga Rancangan RKN 12 \$1.47 juta)** dan sejumlah 12 masjid dirancang untuk dibina dengan peruntukan sejumlah **\$9.86 juta (Harga Rancangan RKN 12 \$64.3 juta)** seperti berikut:

**Brunei Muara**

**(TK 2024/2025 : \$8.3 juta / RKN 12 : \$40.1 juta)**

- 7.1 Pembinaan Masjid Baru RPN Kampong Mengkubau
- 7.2 Pembinaan Masjid Baru RPN Kampong Meragang
- 7.3 Pembinaan RPN Kampong Rimba
- 7.4 Pembinaan Masjid Baru Di STKRJ Kampong Mata-Mata (Katok B)
- 7.5 Pembinaan Masjid Baru Bagi Kampong Sinarubai Dan Burong Lepas
- 7.6 Pembinaan Masjid Baru Di Rancangan Perumahan Negara Kampong Tanah Jambu
- 7.7 Pembinaan Masjid Baru Kampong Lugu

**Belait**

**(TK 2024/2025 : \$1.4 juta / RKN 12 : \$14.7 juta)**

- 7.8 Pembinaan Masjid Baru RPN Kampong Lumut
- 7.9 Pembinaan Masjid Baru STKRJ Kampong Telisai
- 7.10 Pembinaan Masjid Baru Di Rancangan Perumahan Negara Kampong Penaga

## **Temburong**

**(TK 2024/2025 : \$22,000 / RKN 12 : \$8.0 juta)**

- 7.11 Pembinaan Masjid Baru Di Kampong Batu Apoi
  - 7.12 Pembinaan Masjid Baru Kampong Selapon
8. Kementerian Hal Ehwal Ugama juga diperuntukkan penambahan bersih sejumlah **9 jawatan** seperti ringkasan berikut:
- 8.1 **36** Penyerapan jawatan Gaji Hari Dari Perkhidmatan Berulang-Ulang;
  - 8.2 **2** Tambahan jawatan secara *trade-off* melalui Waran Perjawatan;
  - 8.3 **5** Penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA);
  - 8.4 **394** Penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU);
  - 8.5 **(2)** Pengurangan jawatan secara *trade-off* melalui Waran Perjawatan;
  - 8.6 **(5)** Penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA);
  - 8.7 **(394)** Penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU);
  - 8.8 **(2)** Peniadaan jawatan;
  - 8.9 **(23)** Peniadaan Open Vote;
  - 8.10 **(2)** Peniadaan Gaji Hari;
9. Peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam setiap tahun telah dapat mencapai hasrat untuk memberikan perkhidmatan agama dari tahun ke setahun tanpa menjejaskan kualiti, kepada seluruh lapisan masyarakat.

10. Usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama, melalui Jabatan Pengajian Islam, telah menunjukkan peningkatan bagi beberapa *Key Performance Indicators* yang telah ditetapkan untuk mencapai hasrat tersebut adalah seperti berikut:
  - 10.1 Guru Yang Mencapai Tahap 3 dan Ke Atas Dalam Penilaian *Brunei Teachers Standards – Teachers Performance Appraisals* (BTS-TPA) meningkat ke **94.2% (Tahun 2023)** dari 91.7% (Tahun 2022);
  - 10.2 Sekolah Berada Pada Tahap 3 Ke Atas Dalam Penilaian *Whole School Evaluation (WSE)* meningkat ke **94.7% (Tahun 2023)** dari 93.3% (Tahun 2022);
  - 10.3 Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang mendapat Gred A-C meningkat ke **94.66% (Tahun 2023)** dari 91.29% (Tahun 2022);
  - 10.4 Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) yang mendapat pangkat Mumtaz meningkat ke **53.33% (Tahun 2023)** dari 43.96% (Tahun 2022);
  - 10.5 Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) yang mendapat pangkat Jayyid Jiddan Ke Atas meningkat ke **82.1% (Tahun 2023)** dari 75.53% (Tahun 2022);
  - 10.6 Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) Agregat 6-8 menurun dari 16.24% (Tahun 2022) kepada **10.87% (Tahun 2023)**;



- 10.7 Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) 5 SPUB Ke Atas menurun dari 76.62% (Tahun 2022) kepada **69.5% (Tahun 2023)**;
- 10.8 Brunei Cambridge GCE 'O' Level ke Atas 5 'O' Level Ke Atas menurun dari 37.86% (Tahun 2022) kepada **33.81% (Tahun 2023)**;
11. Pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum telah dilaksanakan mulai 01 November 2023 yang lalu yang melibatkan peringkat pembelajaran Darjah Pra hingga Darjah III sekolah ugama diselaraskan ke Tahun 2 hingga Tahun 5 sekolah umum. Mata-mata pelajaran ugama tersebut pada masa ini dikenali dengan mata pelajaran Pendidikan Islam.
12. Dengan pengintegrasian ini beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya melibatkan aspek penelitian dan pengemaskinian kurikulum sedia ada yang disesuaikan dengan peruntukan waktu baharu mata pelajaran tersebut. Dalam pada itu, pengemaskinian kurikulum ini juga akan diselaraskan dengan keperluan pembelajaran ugama di setiap peringkat bermula dari peringkat sekolah rendah (sistem integerasi) hingga ke peringkat sekolah ugama dan peringkat menengah. Pengemaskinian tersebut turut melibatkan guru-guru dan tenaga-tenaga pakar dari institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.
13. Proses pembinaan kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam ini menekankan aspek-aspek penerapan nilai-nilai murni, unsur-unsur kebaikan dan kebajikan yang bertujuan untuk membekalkan

pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengikut keperluan dan peringkat umur murid. Perkara ini turut disesuaikan dengan mengambil kira keperluan penghayatan hidup beragama dengan memastikan rakyat terus hidup dalam suasana yang aman dan sejahtera serta saling hormat-menghormati berpandukan kepada Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai acuan utama.

14. Dengan pelaksanaan kurikulum ini, Insyaa Allah akan terus diperhalusi dan dipantau keberhasilannya. Ia dihasratkan dapat memenuhi keperluan pembelajaran sesuai dengan waktu persekolahan yang ada.
15. Selain itu, keperluan guru-guru agama bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan juga sentiasa diambil perhatian dan disesuaikan mengikut keperluan sekolah.
16. Dengan pelaksanaan integrasi, apa yang dilaksanakan bagi sekolah agama ialah penyelarasan penempatan murid Darjah 4, 5 dan 6 di Bangunan Sekolah Agama Khas. Bangunan Sekolah Agama Khas dimanfaatkan sepenuhnya dan dioptimumkan penggunaannya secara menyeluruh dengan penyelarasan dengan mengambil kira kapasiti bangunan dan keramaian murid.
17. Walau bagaimanapun, jumlah bangunan sekolah agama khas masih terhad dan tidak dapat menampung semua tadahan kampung. Oleh yang demikian, pendekatan secara gunasama masih diteruskan di beberapa buah sekolah umum; rendah dan menengah.

18. Di samping itu blok-blok bangunan juga digunakan bagi keperluan pelaksanaan perkhidmatan ugama lain seperti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), Kelas Dewasa Ugama, Kelas Mengaji Persatuan Wargamas dan lain-lain keperluan berkaitan.
  
19. Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, adalah diharapkan pengurusan zakat termasuk kutipan dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien; pelaksanaan program dan inisiatif bagi memperkasa keupayaan asnaf zakat diungkayahkan secara terancang dan berkesan; dan pengurusan dan inisiatif mengembang-majukan harta waqaf dan Baitulmal bagi menjaga kemaslahatan golongan-golongan sasaran, meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam dan menyumbang kepada memperkukuh fiskal Negara secara synergi dan berdaya tahan. Kutipan zakat harta dan zakat fitrah terus meningkat dan seterusnya pengagihan kutipan wang zakat adalah lebih efisien mengambilkira keperluan bantuan agihan zakat terhadap asnaf-asnaf yang berhak menerimanya. Secara purata bagi tahun 2018-2023., kutipan **zakat fitrah** mengalami kenaikan sebanyak **1.87%** manakala **zakat harta** mengalami kenaikan sebanyak **1.95%**. Tren kenaikan adalah petanda positif terhadap kepekaan umat Islam di Negara ini terhadap kewajipan menunaikan zakat fitrah dan zakat harta untuk menampung komitmen yang sedia ada dan yang akan datang. Sejumlah 13,428 permohonan yang telah diterima melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) sepanjang tahun 2022 dan 2023. Manakala pengagihan dari Kumpulanwang Zakat bagi golongan Fakir Miskin,

Muallaf, Al-Gharimin serta Amil menunjukkan penambahan dari \$20.9 juta bagi tahun 2021, kepada \$24.2 juta bagi tahun 2022 serta \$25.3 juta bagi tahun 2023.

20. Sejak penaitarafan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) daripada Maktab Perguruan Ugama pada 20 Januari 2007, KUPUSB telah mengembangluaskan program-program yang ditawarkan untuk memenuhi keperluan asas dalam sektor pendidikan ugama islam termasuk juga dalam tahap Sarjana dan Doktor Falasafah. Dengan adanya program-program tersebut, ianya membuka peluang kepada siswazah untuk megikutinya di Brunei Darussalam yang dapat menjimatkan kos perbelanjaan dibanding dengan menuntut diluar negeri. Sifat program yang ditawarkan di KUPUSB adalah menjurus kepada *specialisation* iaitu melahirkan guru-guru ugama untuk ditempatkan di Sekolah Ugama dan Sekolah Umum. Penempatan guru-guru ugama adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan yang ada. Statistik dari tahun 2013 sehingga 2023 menunjukkan sejumlah 60% (1,253) daripada 2281 jumlah graduan yang masih mencari pekerjaan / tidak diketahui statusnya, manakala 40% (846) telah berkhidmat di Sektor Kerajaan (139), Sektor Swasta (195) dan Meninggikan Tahap Pendidikan (524).
21. Institut Tahfiz Al-Qurán Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan dengan tujuan "Untuk Melahirkan Para Hafiz Al-Qurán dan Menjadikan Hafazan Al-Qurán Sebagai Kelebihan Bagi Para Pelajar Melanjutkan Pengajian ke Peringkat Tinggi Sama Ada Dalam Bidang

Pengajian Islam Mahupun Di Bidang Sains dan Teknologi". Statistik dari 2013 sehingga 2024 menunjukkan bahawa sejumlah 62% (151) graduan melanjutkan pengajian diperingkat yang tinggi, 16% (38) graduan telah mendapat pekerjaan di Sektor Kerajaan (30), Sektor Swasta (8) manakala 22% (53) masih mencari pekerjaan.

22. Walau bagaimanapun, data yang diperolehi dari Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council setakat Januari 2024, 40.7% (352 graduan) daripada 864 graduan yang mempunyai kelulusan pembelajaran yang berhubungkait dengan pendidikan agama islam aktif mencari pekerjaan dimana 344 orang (39.8%) terdiri daripada graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan manakal 8 orang (0.92%) terdiri daripada Institut Tahfiz Al-Qurán Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk memenuhi sejumlah 2,588 peluang pekerjaan yang ditawarkan diberbagai sektor.
23. Dengan kadar graduan yang belum mendapat pekerjaan yang agak tinggi, Kementerian Hal Ehwal Ugama berusaha untuk mewujudkan sektor-sektor pekerjaan yang dapat meningkatkan *employability* para graduan dengan menggubal dasar-dasar yang boleh membuka peluang pekerjaan yang dihasratkan.
24. Peruntukan yang dirancang dan disediakan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan juga dalam Rancangan Kemajuan Negara di atas adalah dihasratkan dalam sama-sama mendukung usaha Kerajaan untuk memastikan rakyat senantiasa berpegang teguh dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah, taat setia kepada raja dan negara,

diberikan taufiq, hidayah, rahmat, perlindungan, dan senantiasa dibawah naungan daripada **الله سبحانه وتعالى**.

25. Perkara ini adalah bertepatan dengan Kurnia Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada 10 Jamadilawal 1440H bersamaan 14 Februari 2019:

"...Negara juga wajar dibangun dengan nasihat, perintah dan hukum hakam Al-Qur'an. Maka untuk itu, setiap Kementerian, Jabatan dan Bahagian dibawahnya wajarlah meneliti semua dasar, falsafah, misi, visi dan matlamat serta perancangan strategik dan pelaksanaannya supaya bersesuaian dengan kandungan Al-Qur'an dan Al-Hadits..."

26. Diharap dengan penghuraian di atas, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat mengorak langkah maju ke hadapan untuk mencapai visi yang sememangnya untuk kesejahteraan ummah dan memenuhi tujuan Kehidupan Yang Cemerlang Duniawi dan Ukhrawi yang sangat-sangat dihajati.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.